

**Jujukan Usia Batuan di Dalam Kompleks Benta, Pahang Berdasarkan  
Cirian Lapangan dan Penentuan Usia Batuan Secara  
K/Ar Keseluruhan Batuan**

**MOHD ROZI UMOR & SYED SHEIKH ALMASHOOR**

Program Geologi, Fakulti Sains dan Teknologi  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Terdapat lima jenis batuan di dalam Kompleks Benta yang mempunyai hubungan sejarah dan genetik di dalam pembentukan batuan di kawasan yang dikaji, iaitu Jeram Besu dan bekas kuari JKR Benta, Pahang. Batuan ini ialah gneis psamit, diorit kuarza, sienit porfir, monzonit porfir dan telerang. Gneis psamit berlainan genetik dengan keempat batuan selebihnya, sedangkan diorit kuarza, sienit porfir dan monzonit boleh dikelompokkan di dalam suit batuan alkali berdasarkan unsur geokimia dan boleh ditentukan jujukan usia relatif berdasarkan cirian lapangan. Sementara telerang yang sememangnya paling muda didapati mempunyai cirian geokimia yang berbeza dengan batuan alkali. Bagi memastikan kesahihan jujukan usia secara relatif di lapangan, maka penentuan usia radiometri secara nisbah Potassium-Argon (K/Ar) keseluruhan batuan dilakukan. Perbandingan usia relatif batuan di lapangan dengan usia radiometri K/Ar menunjukkan keselarian. Dipercayai gneis psamit yang merupakan batuan metamorf berusia paling tua, diikuti oleh diorit kuarza (Jura Tengah), sienit porfir (Kapur Bawah) dan kemudian monzonit (Kapur Atas?) dan paling muda adalah telerang.

---